

PRESS RELEASE:

When Content Crosses the Line: Content Forum Calls for Accountability in the Age of Influence

An Industry-Wide Reminder That Virality Without Ethics Can Undermine Trust

Kuala Lumpur, 22 July 2025 - Amid growing concern over attention-seeking stunts and misleading digital content, the Communications and Multimedia Content Forum of Malaysia (Content Forum) is calling for greater accountability from influencers and content creators across platforms.

Influence doesn't just attract followers, it can activate real emotions, real reactions, and sometimes, real consequences. While many create to entertain or inform, others may use their platforms to provoke, manipulate, or even weaponise their audience. Misleading narratives, staged scenarios, and undisclosed promotions can lead to confusion, distress, or trigger public reactions far beyond the screen. In some cases, influence is used not just to gain attention, but to attack, deceive, or deflect accountability. When content crosses into that territory, the damage is no longer digital, it becomes real.

"In a heartbeat, digital content can go viral, and audiences often react emotionally and instinctively," said **Mediha Mahmood, CEO of the Content Forum**. "Creators must understand the weight that carries. When content manipulates sympathy or stages harm without any clear boundary, the fallout spreads fast. And once public trust is shaken, it's not just content credibility at risk—it's the entire ecosystem around it."

Understanding the Line Between Content and Conduct

The Forum emphasised that while storytelling is a vital part of digital creativity, creators must distinguish between entertainment and manipulation. When content mimics crisis, danger, or trauma—without context or disclosure—audiences are drawn into a version of reality that may not exist.



Esma Daniel, Honorary Secretary of the Digital Creative Content Creators Association of Malaysia (DCAM) and Content Forum council member said:

"In professional storytelling, there's a clear understanding between the creator and the audience. But on social media, when content is made to feel 'real' without any clear indication otherwise, that line disappears. The public can't make informed decisions, and what's framed as creativity can quickly become carelessness, with very real consequences."

Accountability Doesn't End Online—The Law Still Applies

Dato' Brian Law, Managing Partner at LAW Partnership and member of the Content Forum, added:

"When online contents are false, misleading or malicious and cause public panic, there is a real risk that legal consequences may follow. Content creators must understand that virality does not excuse legal liability and the contents must not be offensive or illegal to start with."

Examples from around the world have shown that digital stunts—whether faking emergencies, impersonating officials, or creating dangerous public scenes—can and do result in prosecution. In Malaysia, acts that mislead or alarm the public may fall under laws addressing public mischief, misuse of communication networks, or false reporting.

Integrity Is the Real Currency of Influence; Not Controversy

As Malaysia's self-regulatory body under the Communications and Multimedia Act, the Content Forum represents a broad spectrum of stakeholders—from platforms and broadcasters to advertisers, creatives, and civil society. Members agree that the long-term health of the content ecosystem depends on creators who understand the difference between attention and integrity.

"As leaders in this space, we have to set the tone. The content we put out—especially when seen by millions—should reflect the kind of digital culture we want to build: one that's responsible, respectful, and aware of its impact," said **Rafiq Razali, Managing Director of Media Prima Group and Chairman of the Content Forum.**

A series of light blue wavy lines at the bottom of the page, creating a decorative footer element.

*"Brands are watching. They want to work with creators who reflect credibility, not controversy—those who align with their values and uphold brand integrity. Perhaps it's time for an industry-backed trust mark—one that's earned, not bought—to give credible creators the edge they deserve, and brands the peace of mind they need. And maybe it's also time for a code of conduct to ensure that trust truly means something to creators, brands, and most importantly, consumers," said **Claudian Navin Stanislaus, President of the Malaysian Advertisers Association (MAA) and Vice Chairman of the Content Forum.***

*"Keeping online spaces safe is a collaborative effort and TikTok remains committed to upholding a positive, safe, and secure environment for our Malaysian community by partnering with civil society organizations, industry partners, educators, and creators," said **Firdaus Fadzil, Head of Public Policy of Malaysia at TikTok and Council member of the Content Forum.***

What the Public Can Do

The Content Forum also encourages viewers to engage critically with what they see online:

- **Pause before sharing:** Ask yourself if the content is factual, exaggerated, or harmful.
- **Question motives:** Is this post informing or just provoking a reaction?
- **Don't reward dishonesty:** Avoid boosting content that plays on fear or falsehood.
- **Report responsibly:** Use platform tools to flag content that deceives or endangers.
- **Expect better:** Hold creators to higher standards—for both creativity and credibility.



SIARAN MEDIA: Apabila Kandungan Melampaui Batas: CMCF Seru Tanggungjawab Dalam Era Pengaruh Digital

Peringatan Bersama Industri Bahawa 'Viral' Tanpa Etika Boleh Menghakis Kepercayaan

Kuala Lumpur, 22 Julai 2025 - Dalam suasana kebimbangan yang semakin meningkat terhadap kandungan digital yang mengelirukan dan aksi viral yang mencetuskan kekecohan, Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) menggesa para pencipta kandungan dan pengengaruh untuk lebih bertanggungjawab dalam setiap tindakan mereka di platform digital.

Pengaruh bukan sekadar soal jumlah pengikut—ia membawa bersama kuasa untuk mencetuskan emosi, reaksi, dan kadangkala, kesan sebenar dalam kehidupan harian. Walaupun ramai yang menghasilkan kandungan untuk mendidik atau menghibur, ada juga yang sengaja mencipta naratif palsu, menggugat ketenteraman, atau mempergunakan khlayak untuk tujuan peribadi. Kandungan yang tidak telus, termasuk promosi terselindung dan aksi kontroversi yang direka, boleh mengelirukan orang ramai, menimbulkan kebimbangan awam, dan menyebabkan implikasi di luar talian. Apabila kandungan disalahguna untuk menipu, mengalihkan tanggungjawab, atau menimbulkan kekecohan, kesannya bukan lagi digital semata-mata—ia menjadi nyata.

“Dalam sekelip mata, kandungan digital boleh tular, dan orang ramai selalunya bertindak balas mengikut naluri dan emosi,” kata **Mediha Mahmood, Ketua Pegawai Eksekutif CMCF**. “Pencipta kandungan perlu sedar akan beban yang dibawa oleh setiap perkongsian mereka. Apabila simpati dimanipulasi atau bahaya direka tanpa garis sempadan yang jelas, kesannya tersebar dengan pantas. Bila kepercayaan awam tergugat, bukan sahaja kredibiliti kandungan terjejas—malah keseluruhan ekosistem industri turut menerima padahnya.”

Membezakan Kandungan daripada Kebenaran

CMCF menekankan bahawa penceritaan adalah asas kepada kreativiti digital—namun harus ada sempadan jelas antara hiburan dan manipulasi. Apabila kandungan seolah-olah menggambarkan krisis, trauma, atau bahaya tanpa konteks atau penzahiran, khlayak akan terperangkap dalam ‘realiti’ yang direka.

Esma Daniel, Setiausaha Kehormat Persatuan Pencipta Kandungan Kreatif Digital Malaysia (DCAM) dan ahli Majlis CMCF.

“Dalam dunia penceritaan profesional, ada persefahaman jelas antara pencipta dan penonton. Tapi di media sosial, apabila kandungan direka supaya kelihatan ‘real’ tanpa penjelasan atau penzahiran yang telus, garis itu hilang. Bila penonton tidak boleh bezakan antara realiti dan rekaan, kreativiti boleh bertukar menjadi kecuai—dengan kesan yang amat nyata.”

Tanggungjawab Undang-Undang Tidak Terhenti Dalam Talian

Dato’ Brian Law, rakan kongsi pengurusan di LAW Partnership dan ahli CMCF.

“Apabila kandungan dalam talian bersifat palsu, mengelirukan atau berniat jahat hingga mencetus panik awam, terdapat risiko sebenar tindakan undang-undang diambil. Pencipta kandungan perlu faham bahawa viral bukan alasan untuk melepaskan diri daripada liabiliti undang-undang—dan kandungan itu sendiri tidak sepatutnya bersifat menyinggung atau melanggar undang-undang sejak awal.”

Contoh dari pelbagai negara menunjukkan bahawa aksi digital yang berbahaya—termasuk memalsukan kecemasan, menyamar sebagai pihak berkuasa, atau mencipta kekecohan awam—telah membawa kepada pendakwaan. Di Malaysia, tindakan yang boleh menimbulkan ketakutan atau mengganggu ketenteraman awam boleh disiasat di bawah kesalahan jenayah awam, penyalahgunaan rangkaian komunikasi, atau laporan palsu.

Integriti ialah Aset Paling Bernilai dalam Dunia Pengaruh

Sebagai badan kawal selia sendiri yang diiktiraf di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia, CMCF merangkumi pelbagai pihak berkepentingan termasuk platform digital, penyiar, pengiklan, pencipta kandungan dan masyarakat sivil. Konsensus bersama: kelestarian ekosistem kandungan bergantung kepada etika pencipta.

“Sebagai peneraju industri, kita perlu menunjukkan teladan. Kandungan yang disiarkan atau dikongsi—lebih-lebih lagi yang ditonton oleh jutaan orang—perlu mencerminkan budaya digital yang matang, bertanggungjawab dan beretika,” kata **Rafiq Razali, Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima dan Pengerusi CMCF.**

A series of light blue wavy lines at the bottom of the page, creating a decorative footer element.

“Syarikat kini lebih teliti memilih pencipta kandungan. Mereka mahukan yang berwibawa, bukan yang mencetus kontroversi—yang mencerminkan nilai, menjaga integriti, dan sedar kesan jangka panjang setiap kandungan. Mungkin sudah tiba masanya wujud satu bentuk pengiktirafan yang disokong industri—untuk pencipta kandungan yang benar-benar layak, dan untuk pengiklan yang perlukan keyakinan. Kalau digabung dengan kod tingkah laku bersama, lebih mudah untuk pengguna kenal siapa yang boleh dipercayai,” kata **Claudian Navin Stanislaus, Presiden Persatuan Pengiklan Malaysia (MAA) dan Naib Pengerusi CMCF**.

“Menjadikan ruang dalam talian lebih selamat adalah usaha bersama, dan TikTok kekal komited untuk mewujudkan persekitaran yang positif, selamat dan terjamin untuk komuniti kami di Malaysia dengan bekerjasama rapat bersama pertubuhan masyarakat sivil, rakan industri, pendidik dan pencipta kandungan,” kata **Firdaus Fadzil, Ketua Dasar Awam Malaysia di TikTok merangkap ahli Majlis Content Forum**.

Peranan Pengguna: Jadilah Pengguna Kandungan yang Bijak

CMCF turut mengajak orang ramai agar lebih peka dan bertanggungjawab dalam berinteraksi dengan kandungan digital. Antaranya:

- **Tangguh sebelum kongsi** – Fikir dahulu: adakah kandungan ini sahih, keterlaluan, atau berbahaya?
- **Persoalkan niatnya** – Kandungan ini untuk mendidik, menghiburkan atau hanya untuk mencetus emosi?
- **Jangan galakkan ketidakjujuran** – Elakkan menyebarkan kandungan yang menggunakan ketakutan atau simpati tanpa asas.
- **Lapor dengan bijak** – Gunakan saluran laporan di platform untuk kandungan yang menipu mengelirukan, atau membahayakan.
- **Letakkan harapan tinggi** – Masyarakat berhak menuntut kandungan yang bukan sekadar kreatif, tetapi juga beretika dan bertanggungjawab.

